

BERITA

Kegagalan perkuat usaha masuk NUS dari ITE

Pelajar dalam bidang IT dan cipta aplikasi lepas minat berkembang hasil PC pemberian ayah

WALAU diuji pelbagai dugaan, minatnya dalam teknologi maklumat (IT) menguatkan semangat meneruskan usaha dari Institut Pendidikan Teknikal (ITE) hingga ke Universiti Nasional Singapura (NUS).

Kini, beliau turut berjaya mencipta aplikasinya sendiri.

Encik Nur Ramadhan Jumali, 24 tahun, tertarik pada dunia IT sejak berusia lima tahun, mengikut jejak ayahnya.

Apabila ayahnya beralih pekerjaan dan mengikuti sebuah kursus IT, beliau membeli komputer peribadi (PC) pertamanya dan mula menukarkan semua ilmu IT-nya kepada anak lelaki tunggalnya itu.

Apabila ayahnya melihat minat anaknya semakin berkembang, beliau membelikan sebuah PC khusus untuknya.

“Semuanya bermula dari situ. Saya mula bermain permainan komputer, belajar melayari laman web, membuat animasi *stick-man* mudah menggunakan ‘Game Maker’, melakukan pembaikan PC dan lain-lain.

“Sejak saya ada PC sendiri, minat saya pada IT tidak pernah berubah sedikit pun. Semasa meningkat dewasa, saya meneroka pengetahuan IT sebanyak yang saya dapat.

“Ayah saya juga memulakan ‘Home IT Servicing’ untuk membantu membaiki komputer. Saya memerhatikannya dan belajar semasa beliau membetulkan komputer sejak kecil,” cerita Encik Nur Ramadhan.

Ayah beliau pembantu teknologi sepenuh masa pada masa itu.

Nur Ramadhan, bekas pelajar Sekolah Menengah Evergreen, berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan baik agar berpeluang melanjutkan pelajaran ke Politeknik Nanyang (NYP) melalui Program Asas Politeknik (PPF).

Namun, dunianya gelap tiba-tiba



ba apabila beliau kehilangan adiknya yang menghidapi palsy serebrum (gangguan sistem saraf yang menjejaskan perkembangan otak hingga menyebabkan kelemahan dan ketiadaan koordinasi pada anggota tubuh), yang menjejaskan prestasi pelajarannya.

Bak jatuh ditimpa tangga, keputusan menengah empatnya tidak melayakkan beliau melanjutkan pelajaran PFP-nya.

Kecewa dan berada di persimpangan, Nur Ramadhan memutuskan memasuki ITE untuk mencuba Skim Pengambilan Masuk ke Politeknik Secara Langsung (DPP), walaupun ada orang tidak meng-

galakkannya kerana berpandangan negatif tentang ITE pada waktu itu.

“Waktu itu, saya ada rancangan baru hendak menebus kesilapan saya dan membuat keluarga saya bangga, bekerja lebih keras dan memasuki politeknik melalui jalan alternatif ini,” katanya berkobar-kobar.

Usahanya di ITE membuahkan hasil – beliau layak NYP bagi kursus IT.

Sekali lagi ketika sibuk membuat persiapan bagi peperiksaan akhir di tahun ketiga di NYP, beliau kehilangan orang tersayang. Kali ini, datuknya pula.

Keputusan peperiksaannya

tidak memuaskan hingga menjatuhkan gred puratanya (GPA) yang selama ini tinggi.

Tidak mahu ia menyebabkan beliau gagal memasuki universiti, Nur Ramadhan bekerja keras bagi projek tahun akhir serta latihan amalnya – dan berjaya memperbaiki GPA-nya hingga diterima NUS bagi kursus sarjana muda pengkomputeran (sistem maklumat) tahun lalu.

Beliau telah mencipta dua aplikasi – Solat Checklist dan Pusara Checklist – yang kini boleh didapati di App Store dan Google Play. Idea bagi aplikasi itu datang daripada dua pakciknya.



GANJARAN DIDORONG AYAH SEJAK KECIL: Ayah Encik Nur Ramadhan menurunkan ilmu IT kepadanya sejak beliau kecil (*atas*) hingga beliau berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang pengkomputeran di NUS (*kiri*). – Foto-foto ihsan NUR RAMADHAN JUMALI

Solat Checklist membolehkan pengguna mencatat semua waktu ibadah solat dan muhasabah diri.

Pusara Checklist pula aplikasi direktori perkuburan Muslim yang bertujuan memudahkan pencarian maklumat orang yang telah meninggal, seperti nama, alamat kubur dan/atau tarikh kematian.

Beliau, yang sudah merancang mencipta aplikasi baru, bercita-cita menjadi *full-stack developer*, iaitu pembangun laman web yang boleh membangunkan sofwe pelanggan mahupun pelayan, dan kemudian membuka syarikatnya sendiri.

“Waktu itu, saya ada rancangan baru hendak menebus kesilapan saya dan membuat keluarga saya bangga, bekerja lebih keras dan memasuki politeknik melalui jalan alternatif ini.”

– Encik Nur Ramadhan Jumali.